

07 NOV 1998

APEC-BERITA-ITF'98

PESTA DAGANGAN A'BANGSA APEC UNTUK TINGKAT KEYAKINAN PELABUR

Oleh: Zainab Mohd. Yatim

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Pesta Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga '98, yang akan diadakan di Pusat Pameran Mines mulai dari 13 hingga 16 Nov akan merupakan tempat yang terbaik bagi ekonomi-ekonomi Apec dan syarikat-syarikat Malaysia, khususnya, bagi membuktikan ketahanan mereka dalam menghadapi kesukaran ekonomi sekarang.

Pameran itu diadakan serentak dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) mulai dari 12 hingga 19 Nov yang akan menyaksikan kehadiran para pegawai ekonomi peringkat tertinggi dan menteri-menteri ketua-ketua industri dan juga negarawan-negarawan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuka dengan rasminya pesta perdagangan bertema "Mempertingkatkan Daya Saing Global Melalui Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia", pada 13 Nov.

Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) selaku tuan rumah kepada pameran perdagangan itu, manakala FMM Services Sdn Bhd dan Reed Exhibitions Sdn Bhd adalah penganjur dan pengurus acara, masing-masing.

Matrade berkata pesta perdagangan itu akan menumpukan kepada teknologi-teknologi baru dan tenaga manusia mahir yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi-ekonomi Apec.

Ia juga memaparkan produk-produk, teknologi dan program-program berkaitan dengan "kesediaan darurat" untuk membangun kepakaran di bidang krisis alam sekitar di rantau ini.

Matrade menjangka pesta itu akan menarik kira-kira 20,000 pengunjung, termasuk pembeli-pembeli perdagangan dari seberang laut.

"Ia akan merupakan tempat yang terbaik bagi ekonomi-ekonomi APEC untuk menggalakkan produk, perkhidmatan dan teknologi mereka," kata seorang pegawai Matrade.

Enam puluh syarikat Malaysia dan pemamer daripada kesemua ekonomi anggota telah mengesakan penyertaan mereka di dalam pesta perdagangan itu.

Antara firma Malaysia ialah Petronas, DRB-Hicom Group, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Renong Group, Southern Bank Bhd, Celcom Malaysia Sdn Bhd dan Nestle Products Sdn Bhd.

Tempat pameran itu, akan dibuka kepada pengunjung perdagangan mulai pukul 10 pagi hingga 7 malam setiap hari dan kepada orang ramai mulai 4 petang hingga 7 malam setiap hari.

Antara produk dan perkhidmatan yang akan dipromosikan termasuk alat dan komponen komputer berteknologi tinggi, keluaran makanan, perabot, produk perbankan, alat-alat automotif dan perkhidmatan perundingan kejuruteraan.

Nestle Products Sdn Bhd berkata ia akan menggunakan pesta perdagangan itu untuk mengulangi komitmennya kepada pembuatan dan pemasaran keluaran-keluaran makanan halal.

"Di samping menyokong usaha kerajaan menggalakkan keluaran makanan halal, kami juga akan membantu Persatuan Pengguna Muslim Malaysia mengujudkan kesedaran lebih baik di kalangan pengguna, terutamanya pengguna Muslim bahawa terdapat pilihan antara keluaran makanan halal dan tidak halal," kata pengurus hal ehwal korporatnya Tengku Marina Badlishah.

Penyertaan Nestle adalah juga dengna matlamat untuk memberikan maklumat langsung kepada para pengguna dan pengunjung mengenai pelbagai keluaran makanan halal Nestle dan memberitahu mengenai proses halal di dalam negeri dan di seberang laut.

Syarikat itu kini mengeksport hampir RM170 juta keluaran halal ke

lebih 40 negara dan merancang untuk meluaskan pasaran eksportnya ke negara-negara Islam lain di Asia Tengah tidak lama lagi.

Sempena dengan mesyuarat itu, Matrade akan menganjurkan Forum Perniagaan Apec mulai 13 hingga 16 Nov bagi membolehkan ekonomi-ekonomi anggota membuat persembahan mengenai peluang-peluang perdagangan dan pelaburan yang didapati di negara masing-masing.

Menurut pegawai Matrade, forum itu juga dengan matlamat menyebarkan maklumat dan memperkukuhkan perdagangan dan pelaburan di antara 12 ekonomi Apec.

Setakat ini, 11 ekonomi akan membuat persembahan pada forum percuma itu, yang akan mengadakan 90 tempat duduk bagi setiap persembahan. --

BERNAMA

ZMY MFJ OS